

PERSPEKTIF PENGGUNA SABAH TERHADAP TAHAP ALAM SEKITAR

Mohd Hamdan Adnan¹ & Diana Demiyah²

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah

¹hamdanadnan@ums.edu.my

²diana.demiyah@ums.edu.my

Abstrak

Tinjauan ini bertujuan mengenal pasti sikap, tahap pengetahuan dan tanggapan pengguna Sabah terhadap isu alam sekitar di pelbagai peringkat. Kaedah yang digunakan ialah tinjauan pendapat dengan pemilihan responden daripada masyarakat tempatan secara rawak. Instrumen dipakai ialah borang soal selidik yang diedarkan kepada khalayak tuju oleh pelajar tahun akhir Program Komunikasi, Universiti Malaysia Sabah. Respons yang diterima sebilangan besarnya adalah daripada kaum muda yang berpelajaran dengan pihak wanita melebihi lelaki. Lazimnya, kajian ini mendapati bahawa umumnya responden sedar mengenai masalah alam sekitar dan punca kejadiannya. Bagi mereka, masalah alam sekitar paling teruk di Sabah ialah pencemaran air, diikuti oleh pencemaran udara, tanah dan kebisingan. Punca pencemaran berlaku penyebab utama disalahkan oleh responden ialah masyarakat sendiri dan dituruti oleh tindakan perseorangan yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Responden cukup mementingkan pendidikan alam sekitar sebagai penyelamatnya. Namun begitu, mereka sangat pesimistik terhadap kejayaan usaha menyelamatkan kesejahteraan alam sekitar. Bagaimanapun, mereka tetap memohon supaya semua pihak bersatu untuk menjamin alam sekitar agar tidak terus terancam. Responden juga mahukan pihak media supaya lebih aktif dalam aspek pendidikan alam sekitar, terutamanya dari internet. Suatu penemuan yang menarik ialah sumber maklumat alam sekitar dari badan bukan kerajaan adalah lebih diyakini daripada yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan walaupun responden lebih menerima bahan alam sekitar daripada agensi kerajaan.

Kata kunci: Alam sekitar, kerajaan, keselamatan, kepenggunaan, kesihatan, media massa, NGO, pencemaran, pendidikan alam sekitar.

Abstract

The study is to determine the attitude, level of knowledge and perception of consumers in Sabah regarding consumer issues at all levels. The study used is opinion survey with respondents selected at random from the local community. The instrument of the opinion survey was prepared questionnaires distributed by the Universiti Malaysia Sabah Final Year Communication students. A bulk of the survey response was from the better educated younger generation with more females responding. In general, the findings showed that respondents were aware of the environmental problems and believe that Sabah environment is the cleanest compared to other states in Malaysia and globally. To them the worse environmental issues in Sabah is water pollution, followed by air pollution, land pollution and noise pollution. They blamed society as the main cause of pollution and irresponsible individuals who are not sensitive to the environmental destruction. The respondents believe that the best way to protect the environment is through consumer education. However, they were not too optimistic about the ability of the authorities to resolve the environmental issues without the support of the business communities and the consumers at large. The respondents want the media to be more active in environmental education as well as exposing culprits who are harming the ecology. Interesting findings are that respondents tend to believe literature on the environment produce by non-governmental organizations or NGOs than the ones published by government agencies. Respondents also would like government agencies to work with NGOs and the business communities to enhance environmental protection.

Keywords: *Environment, government, safety, consumerism, health, mass media, NGO, pollution, environmental education.*

Pengenalan

Isu alam sekitar khususnya pencemaran, kian mendapat liputan yang meluas sama ada di media tempatan atau antarabangsa. Semakin banyak pihak termasuk badan kerajaan dan kumpulan berkepentingan awam kian memberi tumpuan terhadap masalah alam sekitar, termasuk dalam kalangan masyarakat umum. Mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) 1974, pencemaran adalah “perubahan sama ada secara langsung atau tidak kepada sifat-sifat fizik,

kimia, biologi atau aras sinaran mana-mana bahagian alam sekeliling dengan melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan buangan hingga menjejaskan kegunaan-kegunaan berfaedah yang menimbulkan sesuatu keadaan yang mungkin berbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam manusia atau organisma-organisma lain, iaitu tumbuhan dan haiwan.”

Isu peningkatan pencemaran sekitar kian dikaitkan dengan penggunaan berlebihan serta barangan musuh atau tidak mesra alam sekitar. Gaya hidup tidak mapan atau lestari turut dikaitkan dengan kemudaratan persekitaran. Turut dikaitkan ialah perundangan dan penguatkuasaan perundangan alam sekitar yang lemah. Antara kesan buruknya yang kian dialami ialah bumi menjadi bertambah panas, manakala cuaca semakin tidak menentu yang mengakibatkan berlakunya pelbagai bencana alam melampau yang sukar untuk diramal.

Kini, kian banyak pihak semakin sedar bahawa pengurusan alam sekitar tidak mampan dan mapan akan membawa padah yang sangat buruk kepada setiap makhluk di bumi ini. Pihak berkuasa di peringkat setempat, negara mahupun global kian berusaha memperkenalkan pelbagai perundangan, perjanjian dan penguatkuasaan demi menyelamatkan bumi daripada ditimpa malapetaka yang akan menjejaskan keselamatan setiap makhluk di bumi ini. Sebenarnya, isu alam sekitar kian mendapat liputan meluas di media, bukan sahaja kerana sifat nilai berita dan kepentingan awamnya tetapi malapetaka yang akan menimpa akibat mengabaikan dan memudaratkannya. Hal ini mencetuskan kebimbangan pihak-pihak berkenaan pada penghujung abad ke-20 lagi. Misalnya, “peristiwa tumpahan minyak Exxon pada tahun 1990 yang telah memusnahkan hidupan liar dan sebahagian pinggir laut telah mendapat liputan yang meluas di peringkat sejagat. Sementara itu, pada tahun 1991 pembakaran telaga minyak di Kuwait yang telah membebaskan 200 juta tan gas karbon dioksida ke atmosfera” (Winchip, 2003) turut diberi liputan yang meluas oleh pihak media.

Isu peningkatan kepanasan bumi menjadi masalah sejagat. Iklim atau cuaca dunia pula kian tidak menentu. Isu ini kian dibincangkan oleh kuasa besar dan kecil untuk mencari penyelesaiannya di peringkat global. Pihak media pula semakin memberi liputan yang meluas tentang isu atau pencemaran alam sekitar.

Di Malaysia, pembakaran terbuka, penebangan pokok secara besar-besaran dan pembuangan sampah atau sisa merata-rata telah mengakibatkan pelbagai jenis pencemaran. Kini, masalah pencemaran persekitaran bukan lagi sesuatu yang luar biasa, bahkan telah menjadi cabaran kehidupan harian. Masalah jerebu yang mengancam kesihatan setiap makhluk akibat pembakaran hutan besar-besaran di Indonesia telah mengancam setiap negara di rantau ini saban tahun. Setakat ini ancaman jerebu dari Indonesia belum menunjukkan langkah penyelesaian yang jelas.

Namun begitu, kegiatan manusia yang merosotkan kualiti alam sekitar malah ada yang merosakkannya bukan sahaja masih berterusan, tetapi terus meningkat. Sebaliknya, usaha perlindungan alam sekitar dan penambahbaikannya adalah kurang ditonjolkan atau tidak dibuat dengan sebaiknya. Perkara ini termasuklah dari sudut dasar dan perundangan perlindungan alam sekitar. Isu ini bertambah teruk apabila penguatkuasaan perundangan alam sekitar yang lemah atau dilihat tidak bersungguh-sungguh dengan alasan pembangunan ekonomi negara adalah lebih penting atau perlu diutamakan daripada perlindungan alam sekitar.

Maka, tidak hairanlah bahawa “di Malaysia pada tahun 2007 kajian yang dijalankan telah mendapati bahawa sebanyak 16 batang sungai di negara ini boleh dikategorikan sebagai tercemar atau ‘hampir mati’. Antara sungai yang didapati mengalami keadaan tersebut ialah sungai yang berada di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Selangor dan juga Johor” (*Utusan Malaysia*, 4 Februari 2007).

Diakui bahawa kemerosotan kualiti alam sekitar dan kemusnahannya adalah angkara manusia sendiri yang telah begitu lama rakus mengeksploitasi sumber alam semula jadi tanpa memikirkan padahnya. Pembangunan oleh manusia yang mengutamakan kepentingan dan pertumbuhan ekonomi itu telah menyebabkan penyusutan sumber alam dan pencemaran secara pesat dan berterusan. Jika pembangunan lestari tidak diamalkan segera dikhuatiri kewujudan bumi ini pun mula dipersoalkan.

Walaupun isu alam sekitar kini kian mendapat perhatian, kebimbangan yang dirasakan ialah kerosakan yang telah terjadi akibat perbuatan

mengeksplotasi sumber semula jadi adalah susah untuk dipulih semula, malahan langsung tidak boleh diselamatkan lagi. Bukan begitu sahaja, malah kian ramai yang berpendapat bahawa kegiatan manusia yang mencemari alam sekitar jika tidak dikawal dengan berkesan akan meningkatkan lagi tahap pencemaran secara berterusan. Kegiatan merosakkan alam sekitar ini jika tidak dikawal secara berkesan secepat mungkin akan membawa padah yang dahsyat bukan sahaja pada manusia sendiri malah kepada setiap makhluk di bumi ini.

Beberapa Kajian Alam Sekitar di Malaysia

Beberapa kajian tentang isu alam sekitar telah dibuat di Malaysia untuk mengenal pasti pengetahuan, tanggapan dan sikap rakyat Malaysia terhadap masalah alam sekitar. Misalnya, suatu kajian yang bertajuk “Amalan Mesra Alam: Kajian Pengetahuan Alam Sekitar di Sabah dan Sarawak” menyatakan bahawa “kesedaran masyarakat tentang isu alam sekitar di seluruh dunia adalah seimbang sama ada di negara membangun mahupun di negara maju” (Ahmad, J. 2012). Bloom pada 1995 telah menyatakan bahawa “pengguna yang tinggal di negara membangun seperti Malaysia dan negara maju seperti Amerika Syarikat yakin bahawa kualiti alam sekitar kini sedang merosot dan tidak akan pulih pada masa hadapan.”

Sebelum itu, tinjauan antara tahun 1987 sehingga 1997 oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah mendedahkan bahawa kesedaran masyarakat Malaysia tentang alam sekitar masih berada di peringkat yang rendah. Tinjauan Abdul Samad (1990) menggambarkan bahawa pada dekad 1970-an dan 1980-an masyarakat Malaysia kian menyedari tentang masalah kemerosotan kualiti alam sekitar. Bagaimanapun, mereka didapati kurang memberi tumpuan yang sepatutnya terhadap isu alam sekitar, malah tidak bertindak sewajarnya untuk membendung masalah ini. Seperti kebanyakan kerajaan di negara membangun dan mundur, mereka lebih memberi perhatian kepada masalah seperti perumahan, pengangguran dan kemiskinan. Pemikiran kurang pro perlindungan alam sekitar di Malaysia dan di hampir semua negara membangun mungkin disebabkan oleh propaganda pemerintah bahawa pembangunan ekonomi dan negara adalah lebih penting berbanding perlindungan alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, hampir kesemua kajian awal pada dekad 1970-an dan 1980-an yang dibuat di sekitar Kuala Lumpur-Petaling Jaya pada tahun 1970-an dan 1980-an juga telah menunjukkan bahawa pengguna Malaysia kian sedar mengenai pencemaran alam sekitar. Bagaimanapun, mereka juga tidak atau kurang memikirkan kaedah untuk mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar. Masyarakat awam pada masa tersebut turut menumpukan perhatian mereka kepada masalah lain yang lebih mendesak seperti kebanyakan kerajaan, iaitu pembangunan negara.

Seterusnya, penemuan kajian Chelliah (1983) di Pulau Pinang turut menunjukkan hasil yang hampir sama. Penduduk di negeri ini juga didapati turut mementingkan pelbagai isu lain seperti inflasi, pengangguran dan pendidikan dan kurang mengutamakan krisis persekitaran. Situasi ini menggambarkan tahap keprihatinan masyarakat terhadap alam sekitar ketika itu adalah sederhana atau rendah. Walau bagaimanapun, masyarakat dewasa ini semakin prihatin terhadap isu alam sekitar terutama dalam kalangan pengguna di Malaysia.

Pula, suatu kajian oleh Mohd Rafi bersama kawan-kawanya pada 2003 menemui “bahawa 162 responden daripada 300 atau 52.5% berpendapat bahawa punca utama isu alam sekitar berlaku kerana sikap tidak bertanggungjawab masyarakat. Maka diandaikan bahawa kesedaran diri terhadap peranan dan tanggungjawab sendiri dalam menangani isu alam sekitar adalah sangat penting dan lebih berkesan.”

Selain itu, kajian Pusat Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia (MASTIC) yang bermula pada tahun 1998 sehingga 2004 mendapati “bahawa rakyat Malaysia sebenarnya mempunyai kesedaran mengenai isu alam sekitar jika dibandingkan dengan lain. Hal ini membuktikan hasil yang positif yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia pada masa kini dan mereka mempunyai kesedaran yang tinggi tentang situasi alam sekitar masa kini. Penemuan turut mendapati bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berkaitan dengan isu pencemaran udara, penipisan lapisan ozon, kegunaan tenaga solar dan pemanasan global” (MASTIC, 2004).

Juga, MASTIC (2004) merumuskan bahawa “pengetahuan dan tahap kesedaran masyarakat mengenai alam sekitar meningkat saban tahun. Kajian

yang MASTIC buat dari tahun 1998 sehingga 2004 mendapati bahawa isu pencemaran alam sekitar merupakan perkara yang paling diketahui berbanding isu sains dan teknologi yang lain.”

Maka, bolehlah dirumuskan bahawa isu alam sekitar adalah di antara perkara yang paling hangat dibincangkan oleh masyarakat Malaysia. Rumusan ini turut diperkukuhkan oleh penemuan Maharam (2009) yang menyatakan tentang kandungan beberapa novel yang membincangkan isu alam sekitar seperti *Desir Angin di Pergunungan* (2007) oleh Mohammad Kholid Hamzah yang menerapkan isu pembangunan lestari dalam kehidupan dan kemajuan kini.

Seterusnya, suatu kajian di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur oleh Jamilah Hj. Ahmad, Hasrina Mustafa, Hamidah Abdul Hamid dan Juliana Abdul Wahab yang dilaporkan dalam artikel mereka bertajuk “Pengetahuan, Sikap dan Amalan Masyarakat Malaysia Terhadap Isu Alam Sekitar” (2011) telah mendapati bahawa “tahap pengetahuan orang awam terhadap isu-isu alam sekitar berbeza mengikut isu yang telah disenaraikan. Pengetahuan tentang program kitar semula adalah sederhana berbanding pengetahuan mengenai pencemaran udara dan pencemaran bunyi. Pengetahuan berhubung bencana alam di Malaysia adalah tinggi dan pengetahuan mengenai tenaga yang boleh diperbaharui adalah sederhana. Hasil kajian juga mendapati sikap dan amalan orang awam terhadap alam sekitar juga dikategorikan sebagai masih rendah. Hasil kajian turut mendapati bahawa televisyen adalah sumber utama untuk mendapatkan maklumat mengenai isu alam sekitar di kedua-dua negeri tersebut.”

Latar Belakang Kajian

Bagi tujuan kajian ini, “alam bermaksud dunia, bumi atau segala yang terdapat di langit dan di bumi. Sekitar pula bermaksud di tempat atau sekeliling ataupun persekitaran, iaitu alam sekitar membawa maksud keadaan sekeliling atau lingkungan.” Maka;

“Berdasarkan kepada terjemahan literal, alam sekitar bererti menuju kepada apa sahaja yang melingkungi manusia. Bagaimanapun, secara khusus perkataan alam sekitar merujuk kepada fenomena fizikal sama

ada biotik atau abiotik yang melingkungi suatu organisma. Fenomena fizikal ini termasuk juga fenomena yang berkait dengan iklim dan cuaca” (Mohd Zuhdi Marsuku, 2002).

Mohd Nur Hakimi Razana (2004) secara umumnya menjelaskan alam sekitar adalah keseluruhan fenomena sekeliling yang boleh mempengaruhi kehidupan sesuatu organisma termasuk manusia. Takrifan ini adalah tafsiran yang diterima dalam pengajian Sains Alam Sekitar yang hanya terbatas kepada fenomena fizikal sesuai dengan pandangan semesta moden yang berteraskan kepada kaedah empirikal.

Seterusnya, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (2000) mentakrifkan bahawa “pencemaran adalah suatu perbuatan mencemarkan (mengotorkan), pengotoran alam, perbuatan mencemarkan kebersihan alam sekeliling dengan sampah sarap, dll.” Tiga jenis utama pencemaran ialah udara, air dan kebisingan yang mengakibatkan bau busuk, keracunan, jerebu, hujan asid, hakisan, banjir, pemanasan suhu dan sebagainya yang menjejaskan kualiti alam sekitar dan setiap kehidupan di bumi ini.

Maka, tinjauan ini mentakrifan pencemaran alam sekitar sebagai tindakan manusia yang merosotkan kualiti persekitaran yang mampu mengakibatkan kesan buruk terhadap setiap kehidupan di bumi ini. Punca-punca pencemaran utama yang dikenal pasti termasuklah gaya hidup tidak atau kurang lestari, penggunaan lebihan, dasar, perundangan dan penguatkuasaan alam sekitar yang lemah, pendidikan kepenggunaan dan alam sekitar yang kurang berkesan dan sebagainya.

Pada dasarnya, kajian ini tidak menghadapi sebarang masalah besar. Beberapa masalah yang dihadapi termasuklah adanya responden yang tidak menjawab atau memberi jawapan yang tidak jujur. Mereka memberi jawapan seperti tidak tahu, kosong atau tiada komen untuk soalan terbuka.

Asasnya, kajian ini berusaha untuk mencari jawapan kepada dua soalan berikut:

1. Sejauhmana tahap kesedaran pengguna di Sabah terhadap isu alam sekitar?
2. Apakah punca-punca berlakunya masalah alam sekitar di Malaysia?

Seterusnya, tinjauan ini bertujuan untuk mengetahui perkara berikut:

1. Tahap kesedaran pengguna di Sabah terhadap keadaan dan isu alam sekitar di peringkat global, negara, negeri dan tempatan.
2. Pengetahuan pengguna di Sabah mengenai punca dan penyebab paling ketara yang mengakibatkan masalah atau krisis alam sekitar di Sabah.
3. Sumber maklumat mengenai alam sekitar untuk pengguna Sabah.
4. Saranan yang boleh dikemukakan oleh pengguna di Sabah untuk menyelesaikan masalah kemerosotan alam sekitar.
5. Tahap penglibatan pengguna di negeri Sabah terhadap usaha melindungi alam sekitar.

Kajian ini seterusnya diharapkan mampu merangsang pengguna di Sabah supaya sentiasa peka terhadap usaha perlindungan alam sekitar serta melaksanakan tanggungjawab mereka melindungi dan memulihara alam sekitar di mana sahaja.


Tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik. Soalan-soalan adalah bersifat terbuka, tertutup, pilihan dan skala Likert.

Responden kajian terdiri daripada penduduk di negeri Sabah yang dipilih secara rawak. Mereka terdiri dari pelbagai usia, antaranya pelajar serta orang awam daripada berbilang kaum Sabah.

Sejumlah 300 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden di negeri Sabah. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu pengetahuan tentang isu-isu alam sekitar, sikap dan amalan terhadap isu dan pemuliharaan alam sekitar serta media yang dipilih sebagai saluran maklumat berkenaan alam sekitar. Borang soal selidik tentang isu alam sekitar terbahagi kepada 4 bahagian. Bahagian A: Demografi Responden; Bahagian B: Pendapat tentang keadaan alam sekitar; Bahagian C: Sumber maklumat tentang alam sekitar dan

Bahagian D: Pendapat responden tentang usaha untuk melindungi alam sekitar. Daripada 300 borang soal selidik yang diedarkan di Sabah. Borang yang dijawab dan dikembalikan adalah sebanyak 190 responden atau 64 peratus. Daripada 190 responden, seramai 62.1 peratus (118 orang) adalah responden wanita dan yang baki 37.9 peratus (72 orang) ialah lelaki. Dalam isu alam sekitar nampaknya wanita di Sabah lebih berminat terhadapnya, iaitu apabila dirumuskan daripada respons yang diperolehi daripada mereka berbanding dengan lelaki. Kadar yang mahu menjawab soal selidik ini juga mungkin mencerminkan kesungguhan pengguna untuk benar-benar menjamin kesejahteraan alam sekitar atau bumi ini daripada malapetaka pencemaran.

Dari segi usia responden terbanyak ialah dari kumpulan 19 ke 30 tahun iaitu sebanyak 90.5 peratus. Bakinya ialah kumpulan di antara umur 31 ke 45 tahun, iaitu sebanyak 6.3 peratus, 46 ke 60 tahun berjumlah 2.1 peratus, 12 ke 18 tahun berjumlah 0.5 peratus dan 61 ke atas juga 0.5 peratus. Profil responden ini jelas membayangkan minat anak muda terhadap isu alam sekitar berbanding dengan kumpulan usia yang lebih tua. Berkemungkinan anak muda lebih merasakan keperluan untuk memelihara alam sekitar kerana jangka masa mereka di dunia ini adalah lebih lama. Sila lihat Rajah 1.




Rajah 1 Pecahan minat terhadap pemeliharaan alam sekitar mengikut umur

Dari sudut komposisi kaum, kumpulan responden terbanyak ialah orang Cina, iaitu seramai 36 peratus, dituruti oleh kaum Melayu berjumlah 24 peratus dan masyarakat Dusun seramai 16 peratus. Kumpulan Melayu di sini boleh merujuk kepada kaum Melayu Brunei, Bajau dan orang Melayu dari Semenanjung. Baki 24 peratus terdiri daripada pelbagai masyarakat lain di Sabah termasuk etnik peribumi kecil seperti Tidung, Murut, Rungus, Kedayan

dan Lotud serta kaum pendatang yang telah menjadi warganegara Sabah seperti Bugis, Filipina, Pakistan, India dan lain-lain. Sila lihat Rajah 2.

Memandangkan borang soal selidik dijawab sukarela, maka dapat digambarkan bahawa masyarakat Cina di Sabah paling peka terhadap isu alam sekitar. Kesedaran ini timbul mungkin disebabkan kaum Cina sebilangan besarnya tinggal di bandar, maka mereka cukup peka terhadap isu alam sekitar yang lebih mudah melanda kawasan berpenduduk ramai, berbanding dengan masyarakat luar bandar yang di Sabah lazimnya menikmati alam sekitar yang cantik dan sihat. Masyarakat luar bandar Sabah yang lazimnya terdiri daripada masyarakat asal mereka walaupun peka terhadap masalah alam sekitar, tetapi mereka tidak merasa terlalu tertekan dengan isu alam sekitar. Sila lihat Rajah 2.



Rajah 2 Pecahan responden menurut kaum

Profil pendidikan responden menunjukkan bahawa 80 peratus daripadanya memiliki ijazah, dituruti oleh mereka yang mempunyai pendidikan ke peringkat sekolah menengah, iaitu seramai 12 peratus dan yang berdiploma berjumlah 7.9 peratus. Penemuan ini jelas membuktikan bahawa mereka yang belajar di institut pengajian tinggi lumrahnya paling berminat dan berpengetahuan tentang cabaran perlindungan alam sekitar serta isu-isu berkaitan dengannya. Maka, merekalah yang akan lebih ramai untuk menyuarakan masalah alam sekitar di semua peringkat. Penemuan ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan membantu pengguna untuk memahami kaitan kepenggunaan dengan keadaan alam sekitar semasa. Sila lihat Rajah 3.




Rajah 3 Profil pendidikan responden

Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan *google form*. Kajian ini telah dijalankan dengan bantuan pelajar kursus “Tabii Pengguna”, Program Komunikasi, Universiti Malaysia Sabah pada minggu kedua dan ketiga bulan Disember 2015.

Pendapat tentang keadaan alam sekitar

Umumnya, sebilangan besar responden merasakan bahawa keadaan alam sekitar di dunia hari ini adalah teruk atau sangat teruk, iaitu seramai 60 peratus responden menyatakan keadaan alam sekitar sebagai teruk dan sangat teruk sebanyak 12.6 peratus. Baki mereka yang berjumlah 27.4 peratus berpendapat bahawa keadaan alam sekitar di dunia kini adalah baik. Tiada responden yang menyatakan keadaan alam sekitar sangat baik. Sila lihat Rajah 4.




Rajah 4 Pendapat tentang keadaan alam sekitar dunia kini

Seterusnya, 57.4 peratus responden menyatakan keadaan alam sekitar di Malaysia kini adalah teruk dan 13.7 peratus mengatakan sangat teruk. Tanggapan responden di Sabah terhadap keadaan alam sekitar yang teruk sama ada di


peringkat dunia atau di Malaysia ialah hampir sama. Perbezaannya tidak sampai tiga peratus. Sebaliknya, keadaan alam sekitar dianggap lebih teruk di Malaysia berbanding dengan peringkat dunia, iaitu 13.7 peratus berbanding 12.6 peratus.

Responden yang berpendapat keadaan alam sekitar adalah baik ialah 28.9 peratus, manakala di tahap global hanya 27.4 peratus menyatakan sedemikian. Maka, perbezaannya tidaklah begitu ketara atau signifikan. Di Malaysia, tiada responden yang mahu menyatakan keadaan alam sekitar di negara ini sangat baik seperti yang berlaku pada tahap global. Sila lihat Rajah 5.



Rajah 5 Pendapat terhadap keadaan alam sekitar Malaysia kini


Pada peringkat Sabah pula, keadaan alam sekitarnya dianggap lebih baik daripada negeri-negeri lain di Malaysia secara menyeluruh dan di peringkat dunia, walaupun perbezaannya bukanlah besar, iaitu seramai 50.5 peratus responden melihatnya sebagai teruk dan 7.9 peratus menganggapnya sangat teruk. Mereka yang merasakan ia adalah baik, iaitu seramai 40 peratus dan sangat baik berjumlah 1.6 peratus. Sila lihat Rajah 6.



Rajah 6 Pendapat mengenai keadaan alam sekitar di Sabah

Bila dibandingkan secara khusus keadaan alam sekitar di Sabah dengan negeri-negeri lain di Malaysia, responden resminya berpendapat bahawa keadaannya adalah lebih baik walaupun peratusannya tidaklah ketara, iaitu sebanyak 57.9 peratus responden menganggap ia baik dan 6.8 peratus merasakan suasana alam sekitar di Sabah adalah sangat baik. Hanya 35.2 peratus responden menyuarakan bahawa keadaan alam sekitar di Sabah adalah teruk atau sangat teruk, dengan 30.5 peratus mengandaikan ia teruk dan 4.75 peratus sangat teruk. Maka, secara keseluruhannya, keadaan alam sekitar di negeri Sabah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dan di peringkat dunia boleh dirumuskan sebagai masih berada pada tahap yang lebih baik walaupun kurang sempurna dengan banyak ruang untuk diperbaiki lagi.

Beberapa hujah yang diberikan oleh responden sebab alam sekitar di Sabah adalah lebih baik berbanding dengan tempat lain, termasuklah negeri Sabah masih memiliki banyak hutan yang belum diterokai menyebabkan habitat flora dan faunanya masih kurang terancam, mutu alam sekitar termasuk kualiti udaranya adalah lebih segar daripada negeri lain di Malaysia, dan Sabah masih menjadi tumpuan pelancongan domestik dan antarabangsa kerana keindahan semula jadinya yang kurang tercemar. Turut disebut ialah proses pembangunan di Sabah turut memberi pertimbangan kepada perlindungan alam sekitar. Sila lihat Jadual 7.



Rajah 7 Bandingan tahap alam sekitar Sabah dengan negeri-negeri lain di Malaysia

Pendapat punca masalah alam sekitar di Sabah

Punca pencemaran alam sekitar di Sabah diakui kebanyakannya teretus daripada sikap masyarakat setempat yang suka membuang sampah di merata-rata tempat. Peratusan menunjukkan punca ini ialah yang utama, iaitu sebanyak 81.6 peratus (155 orang) responden.

Punca kedua kemerosotan alam sekitar di Sabah oleh responden ialah penerokaan hutan secara berleluasa atau tanpa kawalan yang berkesan. Seramai 54.2 peratus berpendapat sedemikian. Di Sabah, hingga kini isu penerokaan hutan untuk membuka ladang kelapa sawit atau kawasan perumahan haram ataupun setingan adalah sesuatu yang masih merunsingkan.


Maka, tidak hairanlah bahawa punca ketiga kerosakan alam sekitar yang disebut oleh responden ialah pembangunan tidak terancang. Sebanyak 53.2 peratus responden menyuarakannya.

Punca keempat selaku punca pencemaran di Sabah yang disuarakan ialah pembuangan kumbahan daripada kilang tanpa kawalan yang berkesan. Seramai 43.7 peratus responden menyatakannya. Isu ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya jika kerajaan ingin menjadikan kecantikan semula jadi Sabah sebagai tarikan utama pelancong.

Punca kelima pencemaran yang disebut oleh responden ialah bunyi daripada kenderaan dan kilang. Seramai 32.6 peratus responden menyatakannya. Masalah pencemaran bunyi ini mencerminkan kadar pembangunan di Sabah yang kian pesat. Namun begitu, masalah peningkatan kebisingan harus diselesaikan dengan memastikan had bunyi daripada kenderaan dan kilang ditetapkan pada kadar yang minimum.

Punca pencemaran keenam di Sabah yang disebut oleh pengguna di Sabah ialah tumpahan minyak. Seramai 25.3 peratus responden berpendapat sedemikian. Masalah tumpahan minyak ini turut mencerminkan Sabah sebagai negeri pengeluar minyak Malaysia. Maka, langkah yang lebih efektif perlu dilaksanakan untuk meminimumkan masalah tumpahan minyak ini.

Seterusnya, seramai 4.7 peratus responden menyuarakan pelbagai punca pencemaran lain seperti pihak berkuasa kurang cekap menguruskan sampah-sarap, para pengguna kurang terdidik mengamalkan gaya hidup lestari atau tidak dididik untuk mencintai alam sekitar dan lain-lain sebagai punca berlakunya kemerosotan kualiti alam sekitar di Sabah. Sila lihat Rajah 8.



Rajah 8 Persepsi punca masalah alam sekitar di Sabah

Penemuan menarik tinjauan ini adalah responden tidak menuding jari kepada pihak berkuasa semata-mata selaku punca utama berlakunya kemerosotan kualiti alam sekitar di Sabah. Sebaliknya, responden menuduh sikap masyarakat dan individu sebagai penyebab utama berlakunya masalah alam sekitar Sabah. Seramai 85.3 peratus responden menganggap sikap tidak bertanggungjawab masyarakat adalah punca utama kemerosotan alam sekitar. Seramai 67.9 peratus responden menganggap sikap individu yang mengambil mudah tentang pencemaran adalah penyebab alam sekitar di Sabah kian merosot.

Seramai 42.6 peratus responden menuduh sikap tidak bertanggungjawab segelintir pekerja syarikat perkapalan sebagai penyebab kemerosotan kualiti alam sekitar di Sabah. Seramai 25.8 peratus mengandaikan sikap pekerja sektor perladangan selaku penyumbang peningkatan pencemaran.

39.5 peratus responden pula menuduh sikap tidak bertanggungjawab segelintir pegawai penguat kuasa alam sekitar sebagai pencetus masalah kemerosotan kualiti alam sekitar di Sabah. Bagaimanapun, tiada responden yang berpendapat bahawa kekurangan atau kelemahan perundangan perlindungan alam sekitar serta penguatkuasaannya menjadi penyebab kemerosotan kualiti alam sekitar. Kemungkinan responden lebih suka melihat masalah alam sekitar dari segi sikap dan bukan perundangan. Sila lihat Rajah 9.




Rajah 9 Penyebab kemerosotan kualiti alam sekitar tercetus

Jenis pencemaran yang tertinggi di Sabah ialah air. Seramai 45.3 peratus menyebutnya. Pandangan ini adalah selaras dengan pendapat responden terhadap sikap buruk pekerja syarikat perkapalan dan sektor perladangan yang lazimnya melibatkan pencemaran air.

Pencemaran udara adalah masalah kedua terbesar dari kaca mata responden iaitu seramai 31.6 peratus menyatakan tentangnya. Masalah pencemaran tanah berada di tempat ketiga, sinonim dengan kebimbangan responden terhadap penerokaan hutan tanpa kawalan. Peningkatan kebingaran turut disebut oleh 2.1 peratus responden, selari dengan kebimbangan mereka terhadap penambahan bunyi bising daripada kenderaan dan kilang. Sila lihat Rajah 10.

7. Di antara sumber-sumber yang mengakibatkan pencemaran alam sekitar, yang mana satukah paling mencemari?




Pencemaran tanah	40	21.1%
Pencemaran air	86	45.3%
Pencemaran udara	60	31.6%
Pencemaran bunyi	4	2.1%

Rajah 10 Persepsi terhadap jenis pencemaran di Sabah

Penemuan ini menunjukkan bahawa responden adalah tekak dalam memilih masyarakat selaku paling bertanggungjawab untuk melindungi alam sekitar daripada tercemar. Seramai 75.8 peratus responden menyarakannya, dituruti oleh diri sendiri atau setiap individu dengan 71.6 peratus responden mengesyorkannya yang juga adalah konsisten dengan yang dikatakan selaku penyebab utama pencemaran alam sekitar terjadi.

Namun begitu, seramai 71.1 peratus menegaskan bahawa kerajaan paling bertanggungjawab untuk menjamin kesejahteraan alam sekitar, diikuti oleh pertubuhan bukan kerajaan atau NGO dengan 55.8 peratus responden meletakkan tanggungjawab melindungi alam sekitar daripada pencemaran di tangan mereka. Boleh diduga mengapa pihak peniaga atau swasta tidak dipertanggungjawabkan untuk memelihara alam sekitar. Responden tidak mahu berlaku keadaan di mana “harapkan pegar, pegar yang makan padi.” Namun begitu, perlu ditegaskan semula bahawa dalam melindungi kesejahteraan alam sekitar adalah untuk penting semua pihak yang termasuk pengguna harus dipertanggungjawabkan supaya ia bersifat holistik dan mampan. Sila lihat Rajah 11.




Rajah 11 Semua pihak bertanggungjawab melindungi alam sekitar

Sumber Maklumat tentang Alam Sekitar


Terdapat tiga sumber utama maklumat yang lazim digunakan oleh responden untuk memperoleh maklumat berkaitan isu alam sekitar. Pertama ialah internet iaitu sebanyak 84.2 peratus, kedua pula media elektronik seperti televisyen dan radio sebanyak 70.5 peratus (134 orang) dan ketiga ialah media cetak seperti surat khabar, iaitu sebanyak 64.7 peratus (123 orang).

Para sahabat juga didapati menjadi sumber maklumat alam sekitar oleh 36.7 peratus responden. Lazimnya, para sahabat menjadi sumber maklumat tentang isu-isu alam sekitar setempat. Hanya 4.7 peratus responden menyebut saluran lain seperti brosur, risalah, poster dan lain-lain. Memandangkan sebilangan besar responden adalah berusia muda dan berpendidikan tinggi, maka tidak hairanlah internet menjadi sumber utama bagi maklumat tentang alam sekitar. Namun begitu, saluran sebaran am perdana yang lain seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah tetap menjadi sumber maklumat alam sekitar yang penting. Maka, penemuan ini harus digunakan apabila melancarkan kempen pendidikan alam sekitar. Sila lihat Rajah 12.




Rajah 12 Sumber maklumat alam sekitar

Kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden kurang terdedah dengan maklumat tentang isu alam sekitar yang diedar atau dilaporkan oleh pihak kerajaan. Ia mendapati bahawa lebih daripada separuh, iaitu 62.1 peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak pernah menerima maklumat daripada mana-mana agensi kerajaan tentang alam sekitar. Hanya 37.9 peratus responden yang mengakui mereka pernah menerima maklumat tentang alam sekitar daripada badan kerajaan. Bermakna, badan-badan kerajaan yang berkenaan perlu mengedarkan bahan berkenaan alam sekitar mereka dengan lebih menarik melalui saluran-saluran yang sesuai seperti di internet, televisyen, radio, akbar dan majalah serta disokong oleh media lain seperti risalah, brosur dan lain-lain. Sila lihat Rajah 13.



Rajah 13 Maklumat alam sekitar badan kerajaan

Para responden juga kurang terdedah kepada maklumat tentang alam sekitar yang diterbit dan disebarkan oleh badan bukan kerajaan atau NGO. Malah, jumlahnya adalah lebih rendah daripada sumber kerajaan, walaupun kadarnya tidak jauh berbeza, iaitu seramai 34.2 peratus menyatakan pernah mendapat maklumat mengenai alam sekitar dari NGO dan 65.8 peratus tidak. Seperti badan kerajaan, NGO juga perlu menyediakan bahan berkenaan kesedaran tentang alam sekitarnya dengan lebih menarik, selain memilih media paling tepat untuk khalayak sasarannya. Sila lihat Rajah 14.




Rajah 14 Maklumat alam sekitar dari NGO

Namun begitu, seramai 47 peratus responden menyatakan bahawa maklumat mengenai alam sekitar daripada pihak kerajaan adalah berguna berbanding dengan 53 peratus yang menyebut informasi dari NGO adalah lebih berfaedah untuk melindungi alam sekitar. 41.1 peratus responden mengakui mereka lebih menyakini maklumat alam sekitar daripada kerajaan berbanding 58.9 peratus dengan NGO. Pihak NGO dan kerajaan perlu meningkatkan kualiti maklumat alam sekitar supaya pendidikan alam sekitar untuk pengguna boleh dipertingkatkan lagi. Sila lihat Rajah 15.



Rajah 15 Tahap maklumat alam sekitar diyakini di antara kerajaan dan NGO

Hampir semua responden, iaitu 99.5 peratus (189 orang) menyatakan bahawa media massa perlu mempertingkatkan lagi usaha mereka dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan alam sekitar kepada golongan masyarakat. Hal ini mungkin disebabkan kerana pengguna lebih meyakini laporan alam sekitar yang disiarkan oleh media massa berbanding yang dikeluarkan oleh pihak lain. Lagipun, maklumat tentang alam sekitar adalah lebih menarik dan mudah untuk diakses daripada media massa. Lihat Rajah 16.




Rajah 16 Keperluan media massa meningkatkan liputan alam sekitar

Pendapat Responden mengenai Usaha Perlindungan Alam Sekitar

Walaupun pelbagai usaha telah dibuat untuk melindungi alam sekitar, hanya seramai 5.3 menganggapnya sebagai sangat berkesan dan 31.1 peratus berkesan. Sebaliknya, sebanyak 58.9 peratus responden merasakan usaha perlindungan alam sekitar yang sedang diusahakan adalah tidak berkesan dan 4.7 peratus sangat tidak berkesan. Jelasnya di pihak berkenaan, khasnya agensi kerajaan perlu lebih efisien dalam usaha perlindungan alam sekitar serta mengadakan liputan media yang sewajarnya bagi meyakini pengguna mengenainya. Sila lihat Rajah 17.

1. Apakah pandangan anda terhadap usaha melindungi alam sekitar?




Sangat berkesan	10	5.3%
Berkesan	59	31.1%
Tidak berkesan	112	58.9%
Sangat tidak berkesan	9	4.7%

Rajah 17 Pendapat tentang usaha melindungi alam sekitar

Seramai 78.9 peratus responden berpendapat bahawa isu alam sekitar adalah sangat penting dan 20.5 peratus sebagai penting sementara 0.5 peratus sangat tidak penting. Maka, tidak hairanlah seramai 99.5 responden merasakan bahawa liputan alam sekitar di media massa harus dipertingkatkan. Tiada sebab yang diberi mengapa isu alam sekitar dianggap sangat tidak penting. Sila lihat Rajah 18.

3. Pada pendapat anda, adakah isu mengenai alam sekitar adalah penting?




Sangat penting	150	78.9%
Penting	39	20.5%
Berkecuali	0	0%
Tidak penting	0	0%
Sangat tidak penting	1	0.5%

Rajah 18 Pendapat mengenai kepentingan isu alam sekitar


Berhubung kepentingan pendidikan alam sekitar, seramai 72.6 peratus responden berpendapat ia adalah sangat penting dan 24.2 peratus pula penting. Seramai 2.6 peratus responden berkecuali dan hanya 0.5 peratus

menganggapnya sangat tidak penting. Bolehlah diandaikan bahawa pihak yang sama menganggapnya sangat tidak penting. Kadar jumlah responden yang sama menganggap bahawa pendidikan pengguna adalah turut berkaitan dengan kesejahteraan alam sekitar. Sila lihat Rajah 19.



Rajah 19 Kaitan pendidikan pengguna dengan kesejahteraan alam sekitar

Pihak yang dianggap harus memberi pendidikan alam sekitar ialah sekolah, seramai 78.9 peratus responden berpendapat sedemikian. Ini dituruti kerajaan dengan seramai 77.4 peratus responden menyatakannya. Seramai 72.1 peratus responden pula berpandangan bahawa ibu bapa perlu memberi pendidikan alam sekitar dan 63.2 peratus menyebut NGO. Perlu ditegaskan bahawa semua pihak perlu memberi pendidikan alam sekitar kepada masyarakat, termasuk pihak swasta. Namun begitu, tidak seorang responden pun menyebut tentang peranan pihak swasta untuk memberi pendidikan pengguna. Pihak kerajaan perlu menggalakkan semua pihak untuk terlibat di dalam pendidikan alam sekitar. Sila lihat Rajah 20.



Rajah 20 Pihak yang perlu memberi pendidikan alam sekitar

Rumusan

Tahap kesedaran isu alam sekitar dan tindakan memuliharanya adalah masih ditahap sederhana dalam kalangan pengguna Sabah. Penulis berpendapat masalah yang sama turut dialami oleh para pengguna di negeri-negeri lain di Malaysia. Maka, segala usaha untuk melindungi dan memulihara alam sekitar seharusnya dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.



Kesimpulannya, isu alam sekitar boleh diatasi dengan cara meningkatkan tahap kesedaran dan tindakan sewajarnya dalam diri sendiri terlebih dahulu. Golongan masyarakat pula perlu sentiasa peka dengan keadaan alam sekitar dengan menjalankan tanggungjawab masing-masing. Contohnya, tidak membuang sampah di merata-rata tempat, tidak membakar sampah secara terbuka, mengamalkan konsep 3R (*Reduce, Recycle, Reuse*) dalam kehidupan dan sebagainya. Juga, untuk mengamalkan gaya hidup lestari dan penggunaan hijau atau mesra alam. Mereka harus berusaha untuk sentiasa melengkapkan diri dengan maklumat terkini tentang alam sekitar.

Pendidikan tentang kepentingan alam sekitar juga perlu diterapkan di sekolah-sekolah dalam kalangan pelajar di semua peringkat, iaitu dari sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi serta pendidikan sepanjang hayat.

Pihak kerajaan juga harus sentiasa mengemas kini perundangan perlindungan alam sekitar serta menguatkuasakan undang-undang sedia ada berkaitan alam sekitar, lebih giat mengadakan kempen kesedaran tentang alam sekitar, merancang pembangunan yang seimbang berlandaskan undang-undang, penyediaan kemudahan awam yang lebih efisien dan sebagainya. Kerajaan juga perlu memastikan bahawa setiap pihak melibatkan diri dalam usaha perlindungan alam sekitar serta pendidikan alam sekitar.

Penguatkuasaan undang-undang juga harus dilakukan bagi memastikan pihak yang menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar mendapat hukuman yang setimpal akibat daripada perbuatan yang mereka lakukan.

Perancangan pembangunan yang seimbang juga amat penting agar tidak menjejaskan habitat flora dan fauna, di samping memastikan pembangunan yang dijalankan itu mendatangkan faedah kepada semua pihak.

Malaysia seharusnya melaksanakan Matlamat 7 Agenda 2030 Bangsa-Bangsa Bersatu yang memiliki 17 Matlamat Pembangunan Lestari, iaitu matlamat ketujuhnyalah memastikan kelestarian alam sekitar melalui sasaran kesembilannya, yakni dengan mengintegrasikan prinsip pembangunan lestari dalam dasar negara.

Alam sekitar adalah suatu amanah yang Allah SWT kurniakan kepada manusia dan menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga kelestariannya. Dewasa ini, akibat kepesatan pembangunan yang dilakukan dan sikap segelintir masyarakat yang bersikap lepas tangan menyebabkan pencemaran alam sekitar berlaku secara berleluasa.

Pencemaran alam sekitar berlaku kerana masyarakat masih memiliki tahap kesedaran dan sikap bertanggungjawab yang rendah terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Malah, pendidikan tentang alam sekitar juga kurang diterapkan dalam kalangan masyarakat menyebabkan tahap kesedaran mereka terus berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, pelaksanaan tentang pendidikan alam sekitar memerlukan polisi dan dasar yang jelas dalam sistem penguatkuasaannya.

Selain itu, pihak kerajaan juga memainkan peranan dalam memastikan kesejahteraan alam sekitar sentiasa diurus dengan baik. Contohnya, masalah kebersihan di tempat awam boleh diatasi dengan cara menyediakan tong sampah dan kemudahan awam seperti tandas awam yang mencukupi untuk kegunaan dan kemudahan masyarakat itu sendiri.

Pihak swasta juga harus menjalankan tanggungjawab mereka untuk melindungi dan memelihara alam sekitar. Hal ini termasuklah dengan menghasilkan barangan hijau menggunakan bahan dan proses kepenggunaan hijau serta kaedah pelupusan yang mesra alam.

Media massa turut memainkan peranan dalam menyedarkan masyarakat terhadap kepentingan pemuliharaan alam sekitar. Oleh itu, media perlu mengambil pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan kehidupan masyarakat dan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami agar mesej yang disampaikan mudah difahami dan mendapat maklum balas yang positif daripada golongan sasar.

Hal ini disebabkan masyarakat di Sabah khasnya masih kurang terdedah dengan maklumat berkaitan dengan alam sekitar yang disampaikan oleh pihak kerajaan ataupun pihak NGO. Kerjasama antara pihak kerajaan dan pihak NGO amat penting bagi memastikan maklumat tentang kepentingan menjaga alam sekitar mampu disalurkan kepada semua lapisan masyarakat, sama ada di kawasan bandar atau di luar bandar.

Sekiranya semua pihak tidak mengendahkan kepentingan menjaga alam sekitar, tidak mustahil keindahan dan tarikan negeri Sabah sebagai destinasi pilihan pelancongan utama di Malaysia akan hilang. Oleh itu, keindahan yang sedia ada seperti pulau-pulau yang cantik, air laut yang hijau kebiruan, udara yang segar dari kaki Gunung Kinabalu harus dikekalkan dengan cara meminimumkan kes pencemaran alam sekitar.

Kelestarian alam sekitar juga harus dijaga bagi memastikan kesejahteraan hidup masyarakat sentiasa terjamin. Contohnya, beberapa bulan yang lepas, pembakaran terbuka yang berlaku di negara jiran telah menyebabkan negeri Sabah mengalami masalah jerebu dan mengakibatkan banyak sekolah harus ditutup. Oleh itu, persekitaran yang bersih akan menjamin tahap kesihatan yang berkualiti untuk masyarakat dan memudahkan urusan harian yang dilakukan.

Kesimpulannya, tanggungjawab menjaga alam sekitar menjadi tanggungjawab bersama tanpa meletakkan beban pada satu-satu pihak sahaja dan dilakukan secara berterusan. Jika bukan anda, siapa yang harus bertanggungjawab? Jika bukan sekarang, sampai bila alam sekitar harus dibiarkan terabai? Maka, sikap bertanggungjawab semua pihak yang menentukan baik buruknya keadaan alam sekitar yang telah diamanahkan kepada semua.

RUJUKAN

- Ahmad, J. (2012). Amalan mesra alam: Kajian pengetahuan alam sekitar di Sabah dan Sarawak.
- Jamilah, A., Hasrina, M., Hamidah, A. H, & Juliana, A. W. (2011). *Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar*. 103–115.
- Mohamad Fazli Sabri & Teoh Yong Yong. (2006). *Tahap keprihatinan alam sekitar dan amalan kepenggunaan hijau pengguna di Petaling Jaya, Selangor*. Serdang: Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna Falkuti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad, S. Y. C. N. & Mazdi, M. (2008). *Kajian impak pembangunan terhadap alam sekitar di Lembah Bernam (Tanjong Malim)*.
- Mohd Hamdan Haji Adnan. (1986). Islam dan kepenggunaan. *Dewan Budaya*, 01/08/1986.
- Mohd Hamdan Adnan. (1993). Environmental policies & media reporting in Malaysia. *Forum Komunikasi Volume 1*. Shah Alam: School of Mass Communication, Institut Teknologi Mara.
- Mohd Hamdan Adnan. (1993). Mengukuhkan hubungan antara liputan media dan pasaran ekonomi bebas berkenaan dengan alam sekitar. *Sasaran Volume 3 Issue 1*. Shah Alam: School of Mass Communication, Institut Teknologi Mara.
- Mohd Hamdan Adnan. (1994). *Konsep asas kepenggunaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Hamdan Adnan. (1994). Menggalakkan kepenggunaan hijau. *Dewan Masyarakat*, Jun.
- Mohd Hamdan Haji Adnan. (1997). Penggunaan lestari mengelakkan kemusnahan alam sekitar. *Dewan Siswa*, 01/04/1987.
- Mohd Hamdan Adnan. (2001). Petaka alam: Hasil gelojoh dan salah urus manusia. *Dewan Budaya*, Mac 2001.
- Mohd Yusof Hj Othman. (2010). Media dan isu alam sekitar. *Jurnal Hadhari*, 2 (2): 1–17.
- Sabri, M. F., & Yong, T. Y. (2006). *Tahap keprihatinan alam sekitar dan amalan kepenggunaan hijau pengguna di Petaling Jaya Selangor*. 95–109.